

Penduduk Kampung Sentosa terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Di kampung tersebut terdapat kaum Melayu, Cina, Iban, Bidayuh dan Melanau. Biarpun mengamalkan budaya yang berbeza, namun hidup mereka aman dan harmoni.

Mereka menayakan sesuatu aktiviti tanpa wujud sebarang sengketa. Mereka menayakan _____ bersama-sama. Semangat muhibah antara mereka jelas terserlah dalam aktiviti kebudayaan yang dianjurkan. Mereka bersatu hati tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama.

Selain itu, mereka juga bersikap bagai aur dengan tebing dalam menayakan _____. Dalam setiap acara sukan yang dijalankan, mereka bermain secara berpasukan untuk mencapai kemenangan. Perbezaan bangsa dan agama langsung tidak menjadi penghalang kepada mereka.

Semasa _____ pula, mereka bersama-sama memeriahkan acara rumah terbuka. Mereka menikmati pelbagai juadah enak yang disajikan dengan rasa syukur dan gembira. Suasana harmoni begitu terserlah dalam masyarakat Kampung Sentosa.

Nilai murni yang tersemat dalam jiwa masyarakat kampung Sentosa merupakan kunci utama perpaduan kaum di kampung itu. Sebagai contoh, sikap _____, _____, dan _____ dapat mewujudkan _____ dalam kalangan penduduk. Dengan wujudnya perpaduan dan _____, Kampung Sentosa semakin maju dan membangun.